

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID  
(KOTA TINGGI)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan daripada sistem maklumat rekod jalan raya Malaysia (MARRIS) untuk penyelenggaraan jalan mengikut Parlimen dan negeri-negeri di Malaysia pada tahun 2015.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemberian MARRIS yang telah disalurkan kepada Negeri-negeri pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
Johor	543,848,137
Kedah	194,704,580
Kelantan	192,401,867

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
Melaka	84,807,774
N. Sembilan	206,246,075
Pahang	216,718,072
Perak	432,312,295
Perlis	28,934,842
P. Pinang	101,460,524
Selangor	468,774,527
Terengganu	152,593,217
Sabah	565,725,226
Sarawak	775,884,664
<b>JUMLAH</b>	<b>3,964,411,800</b>

Pengagihan peruntukan MARRIS di peringkat negeri termasuk pengagihan kepada jalan mengikut Parlimen adalah di bawah bidang kuasa negeri. Oleh itu, perkara itu hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa negeri.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Y.B TUAN KHOO SOO SEANG**  
**SOALAN : NO. 110**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bilangan pemohon kemasukan ke universiti awam dan institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia mengikut pelajar STPM, Matrikulasi, STAM, Asasi dan Diploma, kaum dan jurusan bagi tahun 2005 hingga 2015 berbanding jumlah tempat yang ditawarkan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk mengikut pengajian di Universiti Awam (UA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon mengikut kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang dimohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA. Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di UA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi keperluan program pengajian berkaitan.

Kementerian Pendidikan Tinggi telah menyelaraskan sebanyak 104,668 permohonan (purata bagi tempoh 3 tahun) dari Sesi Akademik 2013/2014 sehingga 2015/2016 bagi kemasukan ke UA di peringkat Ijazah Pertama. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut kategori STPM adalah sebanyak 38%, Asasi/Matrikulasi 28%, STAM 4% dan Diploma/Setaraf 30%. Jumlah penawaran adalah tertakluk kepada bilangan tempat yang disediakan oleh Universiti. Purata penawaran bagi tempoh 3

tahun adalah sebanyak 50,954 (49%) dengan pecahan mengikut kategori STPM adalah sebanyak 34%, Asasi/Matrikulasi (51%), STAM (4%) dan Diploma/Setaraf (11%).

Antara faktor kegagalan calon mendapat tempat di UA adalah;

- (i) Pelajar tidak memenuhi syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan oleh UA;
- (ii) Unjuran tempat telah penuh, terutamanya bagi program pengajian kritikal seperti perubatan, pergigian, farmasi, perakaunan dan undang-undang;
- (iii) Pelajar gagal dalam saringan ujian khas/temuduga; dan
- (iv) Markah akademik atau kokurikulum yang rendah.